

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sampai hari ini, berapa orang yang telah disiasat di bawah seksyen 28 dan seksyen 33 Akta Kanak-Kanak masing-masing dan antara mereka yang disiasat, berapa orang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga hari ini, tiada individu yang telah disiasat, didakwa atau dijatuhkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen 28 Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].

2. Manakala bagi kesalahan di bawah seksyen 33 Akta Kanak-Kanak pula, dari tahun 2011 hingga Mac 2016, sebanyak 15 kertas siasatan telah dibuka dan hanya seorang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman.

Sekian, terima kasih.